

PANJI-PANJI GEMERLAPAN :

**Satu Pembicaraan
Pensejarahan Melayu**

**DS591
Kho**

KHOO KAY KIM

**Koleksi
Arkib**

Chalim Ismail®

26/11/82

PANJI-PANJI
GEMERLAPAN:
Satu Pembicaraan
Pensejarahan Melayu

Syarahan Penerimaan Jawatan Kursi
yang telah diberikan di Universiti
Malaya pada hari Khamis,
26hb. Julai, 1979

oleh

KHOO KAY KIM
MA PhD
Profesor Sejarah Melayu
Universiti Malaya

Kuala Lumpur
Universiti Malaya
1979

Perpustakaan Universiti Malaya



A512728051

PANJI-PANJI GEMERLAPAN:

Satu Pembicaraan Pensejarahaan Melayu

Sejarah semestinya dikaitkan dengan masyarakat; ia bukan wujud dalam satu *vacuum*. Istilah 'Sejarah' lebih terkenal sebagai satu matapelajaran dalam kurikulum sekolah atau satu disiplin akademik. Kurang jelas pada umum ialah *sejarah sebagai hakikat*. Kenyataan ini bukan hanya bererti dalam pengajian sejarah, kebenaran amat dipentingkan; sejarah adalah hakikat kerana, dalam pengertiannya yang lebih luas, dan perlu ditambah, lebih bermakna juga, ia merujuk kepada *masa*. Yang sudah berlepas adalah sejarah.

Dalam semua jurusan ilmu, proses perkembangan satu-satu cabang ilmu itu perlu diketahui kerana ilmu masakini adalah himpunan ilmu yang wujud pada berbagai titik masa yang telah berlalu. Oleh sebab proses perkembangan atau evolusi ilmu itu penting maka ia diteliti dan dikaji oleh para sarjana dalam satu-satu jurusan yang tertentu. Sesiapa yang mengkaji proses itu sesungguhnya mengkaji sejarah. Jelas, 'Sejarah' bukan monopoli sesiapa pun; ia sentiasa dipergunakan oleh semua orang walau pun memang ada satu golongan tertentu yang mencari rezeki sebagai guru atau pengkaji sejarah.

Juga kurang jelas pada umum ialah perbezaan di antara 'sejarah' dan 'pensejarahan' atau *historiography*. Pensejarahan merujuk kepada penu-lisan sejarah atau karya sejarah. Walau pun pada zaman sekarang memang menjadi tugas ahli sejarah untuk menulis seberapa yang boleh berhampiran dengan kebenaran, pensejarahan tetap merupakan tafsiran seseorang ahli sejarah tentang masa yang telah berlepas, maka sejarah, iaitu 'keseluruhan masa yang telah berlepas', adalah bersifat objektif; pensejarahan pula bersifat subjektif. Justeru itu, apabila dikatakan sejarah ditulis kembali bukan dimaksudkan sejarah diubah; yang diubah ialah pensejarahan, iaitu tafsiran ahli sejarah tentang satu-satu peristiwa atau perkembangan yang berlaku dahulu.

Pada dasarnya, tulisan sejarah dihasilkan untuk makluman umum tentang kejadian atau wujudnya satu-satu keadaan yang dipercayai ba-

nyak memberi kesan kepada proses evolusi atau pun perubahan masyarakat. Seringkali pensejarahan diselenggarakan untuk tujuan yang lebih sederhana iaitu sebagai buku teks bagi membantu calun-calun yang ingin mengambil peperiksaan. Tujuan yang kedua itu tidak perlu kita perkatakan di sini.

Perkembangan pelajaran tinggi di negara ini selama tiga puluh tahun telah melahirkan satu sikap yang amat kritis tentang tulisan-tulisan dalam apa bidang juga. Dalam bidang sejarah, minat yang diberikan kepada sejarah Tanah Melayu semenjak kurun ke 19 lagi oleh orang Inggeris yang berada di sini, terutamanya golongan pegawai, mengakibatkan banyak karya sejarah dihasilkan yang kemudian menjadi asas untuk penulisan buku-buku teks bagi penggunaan murid-murid sekolah. Sistem persekolahan Barat pula mewujudkan kepercayaan bahawa penulisan sejarah secara saintifik, iaitu dengan menaati peraturan perihal ketepatan tarikh dan fakta, hanya dapat dilakukan oleh mereka yang mempunyai pendidikan yang tinggi.

Apabila ditilik kembali perkembangan persuratan dalam masyarakat Melayu, hampir dapat disahkan bahawa konsep sejarah sebagai satu bidang ilmu yang berasingan tidak wujud pada zaman dahulu. Pertama-tama, tiada satu pun istilah dalam perbendaharaan kata Melayu lama yang membawa konsep *history* sebagaimana dimengerti zaman sekarang. Apa yang dianggap sebagai *history*, berasaskan tulisan-tulisan yang pernah dilakukan, merangkumi *hikayat*, *salasilah* dan *syair*. Bagi para sarjana masa sekarang, amat jelas karya kesusasteraan Melayu lama tidak dapat dipisahkan daripada karya pensejarahan Melayu lama. Contoh yang klasik ialah kitab *Sejarah Melayu*.

Kedua, dan ini adalah kepercayaan yang dipegang sehingga 1950an di kalangan para sejarawan, ialah dalam pensejarahan Melayu lama, mithos dan legenda dicantumkan dengan kejadian faktuil. Kitab *Sejarah Melayu* sekali lagi ditonjolkan sebagai buktinya.¹ *Sejarah Melayu*, sebagaimana juga *Hikayat Merong Mahawangsa*,² tergolong dalam satu jenis pensejarahan Melayu yang agak unik bersama-sama dengan banyak

¹ Lihat Tim Moy, 'The *Sejarah Melayu* Tradition of Power and Political Order: A Study in Political Legitimation' (Tesis M.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1977).

² Lihat Siti Hawa Salleh (ed.), *Hikayat Merong Mahawangsa*, Kuala Lumpur 1970; Dzulkifli Salleh, "Hikayat Merong Mahawangsa Sebagai Sumber Sejarah" *Dewan Bahasa*, IX, 10 (Oktober), 1965; dan R.O. Winstedt, "The Kedah Annals" *Journal of the Royal Asiatic Society Malayan Branch* (JMBRAS), XVI, 2, 1938.

cerita atau tradisi lisan tempatan.³ Fungsi utama pencejarahan atau tradisi lisan itu bukanlah untuk merakamkan peristiwa atau kejadian dengan setepat mungkin; yang lebih penting ialah untuk menunjukkan kesahihan kedudukan satu-satu kerabat diraja, juga bagi mengukuhkan kedudukan tradisi sosio-politik yang perlu dipatuhi oleh isi masyarakat. Sesungguhnya, keperluan yang sama kemudian telah melahirkan banyak pencejarahan dalam bentuk *salasilah*.⁴

Sudah diketahui umum, kerajaan Melaka diasaskan oleh seorang putera dari seberang Selat Melaka dan pada dewasa itu pengaruh Siam masih kuat di Semenanjung. Bermulanya kerajaan Melaka bererti kewibawaan kerajaan Siam dicabar. Tambahan pula, kerajaan baharu itu memerlukan segala *paraphernalia* yang dapat memberikan keperibadian yang tetap kepada dirinya. Apabila amalan-amalan dan peraturan-peraturan disusun, legitimasinya harus dipertanggungjawabkan. Kita *Sejarah Melayu* melakukan segala fungsi itu. Ternyata, sekurang-kurangnya sebahagian besar *Sejarah Melayu* dikenal setelah Melaka ditakluki oleh pihak Portugis. Ertinya ia juga merupakan satu percubaan untuk memancarkan dakyah tentang keluhuran kerajaan Melaka supaya segala tradisi yang telah dibina akan tetap dipelihara.⁵

³ Misalnya tradisi Kelantan tentang Cik Siti Wan Kembang dan anak angkatnya Puteri Sa'dong. Menurut tradisi itu Cik Siti Wan Kembang ditabalkan menjadi Raja Perempuan Kelantan pada awal kurun ke 17 dan bersemayam di Gunung Cinta Wangsa. Baginda tidak mempunyai suami dan telah mengangkat Puteri Sa'dong sebagai anaknya. Kecantikan Puteri Sa'dong tiada tolok bandingnya sehingga ia dipinang oleh Raja Siam tetapi ditolak. Kemudian Puteri Sa'dong berkahwin dengan sepupunya Raja Abdullah. Mereka bersama-sama memerintah Kelantan dari Kota Jelasin (sekarang Kampung Kota). (Lihat Mohamad Noordin bin Awang, 'Puteri Sa'dong: Kaitannya dengan Sejarah Kota Jelasin', Kertas Penyelidikan, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1976). Di Trengganu pula ada cerita tentang Tun Zainal Abidin yang pertama sekali menjadi Sultan. Menurut tradisi tempatan baginda ditabalkan oleh Raja Permaisuri Patani yang bernama Nang Chayam padahal menurut sumber sejarah Bugis baginda ditabalkan oleh Sultan Sulaiman (Johor). (Lihat M.C. ff. Sheppard, "A Short History of Trengganu" *JMBRAS*, XXII, 3, 1949, hal. 9).

⁴ Misalnya *Salasilah Negeri Kelantan*, *Salasilah Keturunan Raja Bugis*, *Silsilah Melayu dan Bugis*, *Silsilah Raja-raja Yang Di Dalam Negeri Perak* dan *Hikayat Salasilah Perak*. (Lihat J.C. Bottoms, "Malay Historical Works" dlm. K.G. Tregonning [ed.], *Malaysian Historical Sources*, Singapore, 1965, hal. 58–59).

⁵ Tradisi politik Melaka ada juga dirakamkan dalam *Undang-undang Melaka* (lihat Liaw Yock Fang, *Undang-undang Melaka*, Martinus Nijhoff, The Hague, 1976) dan *Undang-undang Laut Melaka* (lihat R.O. Winstedt & P.E. de Josselin de Jong [eds.], "The Maritime Laws of Malacca" *JMBRAS*, XXIX, 3, 1956).

Jatuhnya kota Melaka pada 1511 disusuli oleh kemunculan kerajaan Johor Lama dan kerajaan Perak.⁶ Johor Lama merupakan sambungan kerajaan Melaka kerana ia muncul akibat penghijrahan kerabat diraja dari Melaka ke Johor Lama.⁷ Keunggulan kerajaan Johor Lama di dalam lingkungan Alam Melayu dicabar oleh Aceh; kemudian Johor diserang oleh Jambi pada tahun 1673, dan apabila Sultan Mahmud terbunuh pada tahun 1699 maka berguncanglah kerajaan yang bertunjangan tradisi Melaka dan di Semenanjung sendiri berlaku keretakan. Pada awal kurun ke 18, muncullah Rembau yang bernegeri sembilan sebagai kerajaan bebas;⁸ hampir semasa dengan itu kerajaan Trengganu diasaskan, kemudian Kelantan pada 1764 dan Selangor pada 1766.⁹

Pergolakan politik yang paling genting berlaku pada awal kurun ke 18 dan melibatkan orang Minangkabau dan orang Bugis. Zaman kucar-kacir dalam sejarah Johor Lama itu menjadi bahan untuk penyusunan beberapa karya sejarah dan sesungguhnya penulisan tentang zaman inilah yang paling lengkap dalam sejarah negeri-negeri Melayu Semenanjung sebelum kurun ke 19.¹⁰ Karya-karya itu dihasilkan oleh ketiga-tiga pihak — Bugis, Minangkabau dan orang Melayu tempatan.¹¹ Adanya

⁶ Menurut *Sejarah Melayu* (Raffles MS. No. 18 dlm. *JMBRAS*, XVI, 3, 1938, hal. 218–219) putera Sultan Mahmud Marhum Kampar menjadi Sultan pertama di Perak dengan gelaran Muzaffar Syah. Kononnya pertabalan Sultan Muzaffar Syah tidak mendapat restu daripada saudara baginda (Sultan Alauddin) yang memerintah di Johor Lama.

⁷ Lihat I.A. Macgregor, "Johore Lama in the Sixteenth Century" *JMBRAS*, XXVIII, 2, 1955.

⁸ R.O. Winstedt, "The History, Polity and Beliefs of Nine States" *JMBRAS*, XLI, 3, 1934; Leonard Y. Andaya, *The Kingdom of Johor 1641–1728*, Kuala Lumpur, 1975, hal. 310–311.

⁹ Barbara W. Andaya, "An Examination of the Sources Concerning the Reign of Sultan Mansur Shah of Trengganu, 1741–1795" *JMBRAS*, XLIX, 2, 1976, hal. 170; *Idem.*, "The Installation of the First Sultan of Selangor in 1766" *JMBRAS*, XLVII, 1, 1974.

¹⁰ Perihal pencejarahan Johor Lama, lihat Leonard Y. Andaya, op. cit., hal. 3–12; juga J.C. Bottoms, op. cit. dan Ismail Hussein, "Hikayat Negeri Johor" *Dewan Bahasa*, VII, 8 (Ogos) & 9 (Sept.), 1963.

¹¹ Misalnya *Sejarah dan Siarah Siak* membela tuntutan orang Minangkabau; *Peringkatan Sejarah Negeri Johor* mempertahankan kedudukan orang Melayu; dan pandangan pro-Bugis terdapat di dalam kitab-kitab seperti *Hikayat Negeri Johor*, *Aturan Setia Bugis dengan Melayu*, *Hikayat Opu Daing Menambon* dan *Sejarah Bugis*.

nada berat sebelah, bahkan kadang kala kenyataan diputar-belitkan, dalam karya-karya itu tidaklah menghairankan.

Namun demikian, jika sekiranya dibandingkan pensejarahan yang dihasilkan pada kurun ke 18 dengan *Sejarah Melayu*, ternampak jelas pensejarahan Melayu secara umum telah pun menyimpang daripada tradisi mencampur-adukkan di antara kenyataan dengan legenda. Dokumen-dokumen Belanda sezaman membuktikan bahawa pada dasarnya pensejarahan Melayu zaman itu amat tepat.¹² Bukan hanya kejadian-kejadian dirakamkan dengan jitu bahkan tarikh-tarikh yang penting dinyatakan dengan cukup persis.

Tingginya nilai pensejarahan Melayu lama sudah disedari oleh para sarjana. Banyak kitab lama telah pun dikaji dan dikupas,¹³ digunakan juga sebagai bahan-bahan asas untuk pengkajian sejarah Tanah Melayu. Tetapi tumpuan para sejarawan kepada pensejarahan Melayu hampir terhad kepada zaman sebelum pertengahan kurun ke 19. Karya terakhir dalam rangkaian kronologis itu yang telah diberikan perhatian yang teliti ialah *Tuhfat al-Nafis*, karangan Raja Ali Haji.¹⁴ Ini menimbulkan satu gambaran seolah-olah tidak banyak lagi ditulis selepas pertengahan kurun ke 19. Kebenarannya, setakat yang dapat dipastikan pada masa sekarang, lebih banyak lagi ditulis dalam abad ke 20 daripada jumlah yang pernah dihasilkan dalam beberapa abad sebelum itu. Di antara

¹² Contohnya, dalam *Misa Melayu*, pengarangnya (Raja Chulan) mengatakan bahawa Raja Lumu ditabalkan oleh Sultan Mahmud (memerintah di Perak di antara 1760an—1770an) sebagai Yang Dipertuan Selangor dengan gelaran Sultan Salahuddin. R.O. Winstedt ("Origin of the Selangor Sultanate" *JMBRAS*, XII, 3, 1934, hal. 114) berpendapat bahawa ketepatan *Misa Melayu* perlu diragui; menurut beliau besar kemungkinan Raja Lumu ditabalkan pada pertengahan 1740an. Penyelidikan mutakhir menunjukkan keterangan yang diberikan dalam *Misa Melayu* adalah benar. (Lihat Babara W. Andaya, "The Installation of the first Sultan of Selangor in 1766".

¹³ Lihat, misalnya, Ismail Hussein, op. cit., V. Matheson, "The Tuhfat al-Nafis: Structure and Sources" *Bijdragen tot de Taal-, Land-en Volkenkunde van Nederlandsch-Indies*, 127, 1971, E.U.Kratz, *Peringatan Sejarah Negeri Johor*, Wiesbaden, 1973; Mohd. Taib Osman, 'Hikayat Seri Kelantan' (Tesis M.A., Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1961); dan Tim Moy, "The *Sejarah Melayu* Tradition of Power and Political Structure: an Assessment of Relevant Sections of the *Tuhfat Al-Nafis*" *JMBRAS*, LXVIII, 2, 1975.

¹⁴ Karya ini telah pun diterjemahkan oleh Babara W. Andaya dan V. Matheson dan akan diterbitkan (dengan annotasi) oleh Oxford University Press, Kuala Lumpur.

pertengahan hingga penghujung kurun ke 19 pun ada tulisan-tulisan yang walau pun telah diperhatikan oleh pegawai-pegawai British kurang diketahui umum.¹⁵

Pensejarahan Melayu di antara abad ke 17 hingga abad ke 19 memperlihatkan beberapa ciri tertentu dari segi isi kandungannya. Sebagaimana biasa dinyatakan, ia lebih merupakan sejarah istana dan memang ditulis untuk mengharumkan pemerintahan seseorang Raja. Tumpuan secara menyeluruh diberikan kepada golongan atasan; gambaran tentang kehidupan dan keadaan rakyat jelata tidak pernah dipaparkan. Sambil merakamkan zuriat atau keturunan kerabat diraja diselitkan maklumat tentang tradisi sosio-politik yang mengendalikan hubungan di antara suatu susun-pangkat dengan susun-pangkat lain.

Dalam satu-satu entiti politik dahulu, Raja adalah unsur yang paling asas; adanya Raja maka adalah *kerajaan*. Raja adalah punca segala kewibawaan. Orang Melayu pantang derhaka dan dalam sejarah negeri-negeri Melayu, kedudukan Raja tidak pernah dicabar oleh orang kebanyakan. Perang saudara melibatkan mereka yang sama taraf dan samarata iaitu anak raja menentang anak raja kecuali sekali apabila Bendahara menaiki takhta di Johor pada 1700. Sekurang-kurangnya dalam tradisi sosio-politik Melaka, Bendahara dianggap hampir setaraf dengan anak raja.¹⁶

Keadaan yang telah diperikan di atas itu dapat disimpulkan daripada pensejarahan Melayu lama. Dilihat daripada sudut ini, jelas sekali karyakarya sejarah lama itu bukanlah bersifat pensejarahan dalam pengertian zaman sekarang; ia lebih merupakan dokumen rasmi. Ia dihasilkan bukan untuk dibaca oleh orang ramai tetapi disimpan di istana untuk rujukan kerana kedudukan seseorang Raja sentiasa dicabar oleh sanak saudaranya atau oleh anak raja dari negeri-negeri lain di dalam ling-

¹⁵ Lihat Haji Abdullah, "A Fragment of the History of Trengganu and Kelantan" (karya asal ditulis pada 1876; diterjemahkan oleh H. Marriott untuk diterbitkan) dlm, *Journal of the Royal Asiatic Society Straits Branch* (JSBRAS), no. 72, 1916; Raja Haji Yahya, "Silsilah Raja-raja yang di dalam Negeri Perak" dlm. Koleksi W.E. Maxwell, Royal Asiatic Society, London; lihat juga W.E. Maxwell, "Notes on Two Perak Manuscripts" JSBRAS, no. 2, 1878; *Idem.*, "The History of Perak from Native Sources" JSBRAS, no. 9 (1882) & 14 (1884).

¹⁶ Menurut *Sejarah Melayu*, "Ada pun Bendahara makan sa-orang-nya, atau sa-hidang dengan anak raja-raja; demikian-lah isti'adat pada zaman Melaka dahulu." (W.G. Shellabear, *Sejarah Melayu*, Citakan Ke 10, Singapura, 1961, hal. 81).

kungan Alam Melayu. Kitab-kitab itu perlu ditatap bagi mereka yang ingin memahami *ethos* politik orang Melayu dahulu atau pun sekarang.

Maka sampai tempoh akhir-akhir ini, khususnya setelah mahasiswa aliran Melayu mulai menulis sejarah,¹⁷ pensejarahan Melayu dihasilkan bukan untuk menemui keperluan akademi. Sifatnya memang tidak sama dengan sifat kajian ilmiah atau tesis. Kegagalan para sejarawan bukan-akademik itu untuk mematuhi peraturan-peraturan ilmiah tidak seharusnya bererti karya-karya mereka tidak bernilai. Dahulu, para sejarawan negara ini pernah mengkritik para sejarawan Barat kerana melihat sejarah tempatan dengan *kacamata* Barat. Kini para sejarawan Malaysia seharusnya berhati-hati supaya mereka tidak menilaikan pensejarahan Melayu yang diusahakan oleh pujangga dahulu dengan *kacamata* anarkistik.

Bagi menilaikan satu-satu karya sejarah perlu ditentukan tujuan ia dihasilkan dan untuk siapa ia ditulis. Penulis juga tidak kurang pentingnya walau pun kadang kala siapakah penulisnya tidak jelas. Tadi telah diperkatakan sedikit sebanyak tentang ciri-ciri pensejarahan Melayu lama. Dengan menggunakan perkataan 'lama' nyata dimaksudkan ada yang 'baharu'. Garis pemisah di antara yang lama dengan yang baharu tidak semestinya tajam. Ada ketikanya kedua-dua itu hidup bersisian. Secara kasar dua kriteria boleh digunakan dalam konteks ini: pertama, *masa*; kedua, *isi kandungan*.

Pensejarahan Melayu baharu dapat dikatakan bermula lebih kurang pada kurun ke 20 kerana terdapat perubahan masyarakat yang penting dari berbagai segi. Ini bukanlah tempatnya untuk menghuraikan satu proses sosial yang amat kompleks; memadailah kalau dikatakan bahawa dengan wujudnya sistem pentadbiran British dan kemasukan beramai-ramai penduduk dari luar, pandangan orang Melayu terhadap beberapa aspek kehidupan mulai dikaji kembali.

Dari segi penulisan sejarah, berasaskan pengetahuan mutakhir, di antara 1900 dengan masa meletusnya Perang Dunia I, terdapat sekurang-kurangnya tujuh buah karya:¹⁸

¹⁷ Mahasiswa aliran Melayu mulai memasuki universiti pada tahun 1965. Maka penulisan sejarah Malaysia secara akademik dalam Bahasa Malaysia bermula pada tahun 1968 dan menjadi semakin giat dalam awal 1970an terutamanya setelah Universiti Kebangsaan Malaysia ditubuhkan.

¹⁸ Lihat Ismail Hussein, "Dokumentasi: Syair Sultan Abu Bakar" *Dewan Bahasa*, XX, 5 (Mei), 1976; untuk sedikit ulasan tentang 'Buku Sejarah Nik Yusuf' dan 'Cetera Raja Muda' lihat Nik Mohamed bin Haji Nik Mofid. Salleh, "Chatetan

1. 'Syair Sultan Abu Bakar' (pengarang tidak diketahui; diselesaikan di antara 1899–1900).
2. Nik Yusuf bin Nik Abdul Majid (Datuk Sri Paduka), 'Buku Sejarah Nik Yusuf' (diselesaikan selepas 1900?).
3. 'Cetera Raja Muda' (pengarang tidak diketahui; diselesaikan selepas 1900?).
4. *Hikayat Pahang* (pengarang tidak diketahui; diselesaikan pada 1909).
5. Haji Mohd. Said bin Haji Sulaiman, *Hikayat Johor dan Tawarikh Al-Marhum Sultan Abu Bakar Johor*, Johor Bahru, 1911.
6. Wan Yahya bin Wan Muhammad Taib, *Salasilah atau Tarekh Kerja-an Kedah*, Penang, 1911. (edisi Rumi dan Jawi).
7. Haji Nik Mahmud bin Haji Ismail, 'Hikayat Seri Kelantan' (diselesaikan pada tahun 1914).

Kitab 'Buku Sejarah Nik Yusuf' dan 'Cetera Raja Muda' belum dijumpai lagi tetapi ada disebutkan dalam 'Hikayat Seri Kelantan'. Hanya *Hikayat Pahang*, *Hikayat Johor dan Tawarikh Al-Marhum Sultan Abu Bakar* dan *Salasilah atau Tarekh Kerja-an Kedah* pernah diterbitkan. Kesemua tulisan itu meneruskan tradisi pensejarahan Melayu lama: sejarah yang dipaparkan bersifat politik, tertumpu kepada golongan atasan dan adalah terhad kepada negeri yang tertentu, kecuali 'Syair Sultan Abu Bakar' yang juga mengetengahkan sejarah Pahang Moden. Tetapi Johor Moden memang bersaudara rapat dengan Pahang Moden kerana kedua-dua pemerintah asalnya — Sultan Abu Bakar dan Sultan Ahmad — adalah keturunan Sultan Abdul Jalil, Bendahara yang menaiki takhta pada 1700. Tambahan pula kedua-dua negeri muncul dalam 1880an — Pahang Moden pada 1881 dan Johor Moden pada 1885.¹⁹

Pengarang juga, sebagaimana zaman dahulu, terdiri daripada orang besar-besar, sekurang-kurangnya itu adalah ketara daripada empat orang sejarawan yang dapat ditentukan. Nik Yusuf bin Nik Abdul Majid ada-

Rengkas Tentang Sumber-sumber Tempatan Mengenai Sejarah Kelantan" *Jurnal Persatuan Sejarah Kelantan*, bil. 1, 1964/65, hal. 61–63. Mengenai *Hikayat Pahang*, lihat Jang Aisjah Muttalib, *Pemberontakan Pahang 1891–1895*, Kota Bharu, 1972, hal. 19–20. Tentang Haji Mohd. Said bin Haji Sulaiman, lihat Fawzi Basri & Hasrom Haron, *Sejarah Johor Moden 1855–1940*, Kuala Lumpur, 1978, hal. 88–96. 'Hikayat Seri Kelantan' telah pun dikaji oleh Mohd. Taib Osman (op. cit.).

¹⁹ Lihat Khoo Kay Kim, "Tanah Melayu Abad ke 18" *Jurnal Sejarah* (Persatuan Sejarah Universiti Malaya), XV, 1977/78, hal. 8; Eunice Thio, *British Policy in the Malay Peninsula 1880–1910*, Singapore, 1969, hal. 73.

lah seorang pembesar Kelantan dari 1830an sehingga akhir kurun ke 19 dan pernah menjadi Menteri Besar.²⁰ Haji Mohd. Said bin Haji Sulaiman berpelajaran Inggeris dan Melayu. Beliau berkhidmat dalam perkhidmatan Pentadbiran Johor Moden dan pernah menyandang jawatan sebagai Setiausaha Peribadi Sultan Ibrahim. Beliau juga pernah memasuki Pasukan Sukarela Johor dan telah dinaikkan pangkat kepada Major.²¹ Wan Yahya bin Wan Muhammad Taib pula adalah keturunan keluarga yang memegang gelaran *Temenggung* di Kedah. Beliau seorang birokrat, pada suatu masa memegang jawatan Pegawai Daerah Kulim; kemudian, setelah sistem Penasihat diwujudkan, beliau menjadi Pemangku Syahbandar dan Hakim Mahkamah Rayuan.²² Mungkin yang paling terkemuka di antara mereka ialah Haji Nik Mahmud bin Haji Ismail, ayah pada Allahyarham Tan Sri Nik Ahmed Kamil. Haji Nik Mahmud memulakan kerjayanya sebagai seorang kerani dalam perkhidmatan pentadbiran pada tahun 1904 dan kemudian menjadi semakin berpengaruh sehingga mendapat kedudukan Datuk Perdana Menteri Paduka Raja, Kelantan. Beliau juga yang mengasaskan Majlis Agama dan Istiadat Melayu Kelantan pada tahun 1915.²³

Di antara 7 buah karya itu beberapa ciri lagi perlu diperhatikan. Istilah 'Hikayat' masih digunakan dan terdapat juga sejarah yang ditulis dalam bentuk 'Syair'. Ciri yang baharu pula ada pada *Salasilah atau Tarekh Kerja-an Kedah*: pertama, kerana diterbitkan juga edisi Rumi dan kedua, penggunaan istilah 'Tarikh' yang hanya selepas Perang Dunia I dipopularkan melalui sistem persekolahan Melayu dalam bentuk variasinya iaitu *Tawarikh*.²⁴

²⁰ Nik Mohamed bin Haji Nik Mohd. Salleh, op. cit., hal. 61.

²¹ Fawzi Basri & Hasrom Haron, op. cit., hal. 88–96.

²² Tercatat di dalam bukunya (op. cit., hal. 18, 23).

²³ Lihat William R. Roff, "The Origins and Early Years of the Majlis Ugama" dlm. William R. Roff (ed.), *Kelantan: Religion, Society and Politics in a Malay State*, Kuala Lumpur, 1964.

²⁴ Menurut Za'ba, Winstedt memainkan peranan utama memperkenalkan konsep *history* (tawarikh) kepada orang Melayu. Ini kurang tepat. Sebagaimana ternyata istilah 'tarikh' telah pun mulai digunakan sebelum Winstedt diberi tugas mengkaji kembali sistem pelajaran dalam masa Perang Dunia I. (Lihat juga catatan 31 dalam makalah ini).

'Tawarikh', sebagai satu matapelajaran, diasingkan daripada kesusa-
teraan, diperkenalkan, pada tahun 1918, di Maktab Melayu Melaka,²⁵
iaitu sebuah maktab perguruan yang bukan hanya mendahului Maktab
Perguruan Sultan Idris di Tanjung Malim tetapi beberapa orang kelulusan
Maktab Melayu Melaka adalah pensyarah yang amat berpengaruh di
MPSI²⁶ (lebih terkenal sehingga 1950an sebagai SITC). R.J.
Wilkinson²⁷ yang memainkan peranan penting dalam pendirian Maktab
Melayu Melaka pada tahun 1900 telah juga bertanggungjawab memasukkan
matapelajaran kesusasteraan, atau pada ketika itu dikenali sebagai
'Sejarah dan Hikayat', dalam kurikulum Maktab Melayu Melaka.
Menulis tentang *Malay Literature*, Wilkinson mengatakan:²⁸

The most common form of composition in the classical literature of the Malays is the *hikayat*, or romantic biography. The *hikayat* never plunges into the middle of a tale; it generally begins by relating the history of the hero's parents, and in some cases (when the story is of Indo-Javanese origin) it tells us who the hero and heroine were in their earlier incarnations. The hero is invariably a prince, "extremely handsome, with a glowing countenance and a complexion like polished gold, and without a peer among the princes of his time." He generally begins his adventures at the age of fourteen or fifteen. The heroine is always a princess, "very beautiful, with a face like a fourteen-day-old moon, a brow like a moon of three days, hair like the opening blossom of the palm, eyes like the star of the morning, eye-brows curving like the spurs of a fighting-cock, ears like the flowers of the *Repayang*, cheeks like shelled eggs, a nose that is straight and sharply cut, a mouth like a bursting pomegranate, a tapering neck and sloping shoulders, a slender waist and a broad chest, fingers like the quills of the

²⁵ Lihat Ramlah Adam, 'Maktab Melayu Melaka' (Kajian Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1972), hal. 19.

²⁶ Lihat Khoo Kay Kim & Ramlah Adam, "The Malay College Malacca" *The New Straits Times Annual 1977*, hal 81–86.

²⁷ Lihat P.L. Burns, "Introduction" dlm. R.J. Wilkinson (ed.), *Papers on Malay Subjects*, Kuala Lumpur, 1971 (citakan semula), hal. 1–8.

²⁸ Dlm. Arnold Wright & H.A. Cartwright (eds.), *Twentieth Century Impressions of British Malaya*, London, 1908, hal. 229.

porcupine, and a figure that sways like the stalk of a flower." Of these stereotyped descriptions the Malay never seems to tire.

Peranan yang dimainkan oleh Wilkinson untuk mencungkil, memelihara dan mengembangkan pembelajaran kesusasteraan Melayu tidak dapat dinafikan. Tetapi sikap Wilkinson tentang kesusasteraan Melayu tidak selalunya jelas pada umum. Wilkinson beranggapan bahawa:²⁹

The chief value of their literature lies, of course, in the insight which it gives into the history and character of a people who are apt to be very much misunderstood by the usual observer.

Tentang sikap orang Melayu terhadap kesusasteraan pula, beliau menyatakan:³⁰

They may, indeed, be likened to the European child who prefers the story of "Jack the Giant-Killer" to the masterpieces of Milton and Shakespeare, but is, in his way, a good judge of a fairy-tale.

R.O. Winstedt sekurang-kurangnya membezakan di antara *Sejarah* atau *Tawarikh* dengan *Hikayat*. Semasa beliau menyandang jawatan sebagai Penolong Pengarah Pelajaran, Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu, buat kali pertama matapelajaran Tawarikh diperkenalkan di Maktab Melayu Melaka. Pada tahun yang sama, beliau dengan Daing Abdul Hamid bin Tengku Muhammad Salleh telah mengerakkan buku *Kitab Tawarikh Melayu* (diterbitkan di Singapura) untuk penggunaan sebagai buku teks.³¹ Permulaan di Maktab Melayu Melaka itu memberi kesan yang berpanjangan kerana didapati sehingga masa sekarang guru-guru sekolah masih merasa lebih senang menggunakan istilah *Tawarikh* untuk *History*.

²⁹ *Ibid.*

³⁰ *Ibid.*

³¹ Tentang buku ini Za'ba pernah mengatakan bahawa "[It] was undoubtedly the book which, by popularising the Arabic word *tawarikh*, first opened the eyes of the average Malay to the meaning of history as distinct from legend." (Lihat R.O. Winstedt dan Zainal-Abidin bin Ahmad, "A History of Malay Literature, with a Chapter on Modern Developments", *JMBRAS*, XVII, 3, 1939, hal. 151). Sumbangaan Winstedt tidak dapat dinafikan tetapi *sejarah* atau *tawarikh* sebagai suatu konsep baharu dipopularkan bukan hanya melalui sekolah sahaja. Akhbar Melayu (seperti *Lembaga Melayu* dan *Pengasuh*) waktu itu juga memberi perhatian kepada sejarah. Misalnya berasaskan beberapa catitan dalam *Lembaga Melayu*, Ahmad Kutu bin Abdul Rahman Sulong (Pahang) telah menyusun *Sejarah Tanjong Besar atau Keturunan Pembesar-pembesar Pahang*, (diterbitkan di Seremban pada tahun 1932?).

Tetapi perkembangan pensejarahan Melayu selepas Perang Dunia I bukanlah akibat secara langsung daripada perkenalan matapelajaran *Tawarikh* di Maktab Melayu Melaka. Walau pun terdapat banyak juga pensejarahan Melayu dalam 1920an dan 1930an, kebanyakannya pengarangnya bukan daripada golongan guru Melayu. Dan 1920an dan 1930an lebih terkenal sebagai zaman perkembangan kesusasteraan Melayu moden iaitu yang berbentuk novel, cerpen dan sajak. Tidak ramai di antara para sasterawan yang menceburkan diri dalam kegiatan pensejarahan. Tetapi ada beberapa orang sasterawan yang menghasilkan karya dengan *setting* sejarah. Yang paling terkenal ialah Ahmad bin Abdullah (Ahmad Bakhtiar), kelulusan Maktab Melayu Melaka dan pensyarah di MPSI. Novel-novel beliau diberi jodol seperti *Darah Melaka*, *Keris Melaka*, *Falsafah Hang Tuah*, *Melayu Tak'kan Hilang*, *Hujan Darah di Selat Melaka* dsb., setengah-setengahnya ditulis selepas Perang Dunia II.³²

Dalam bidang pensejarahan, salah satu daripada sumbangan yang sangat penting ialah *Sejarah Alam Melayu*, jilid pertamanya dikeluarkan pada tahun 1925. Pengarangnya, Abdul Hadi bin Haji Hassan juga seorang kelulusan Maktab Melayu Melaka, menjadi pensyarah di MPSI dari 1922–1928 dan kemudian dipindah ke Kelantan sebagai Guru Pelawat.³³ Dalam perkhidmatannya di Kelantan dari 1928–1933, beliau bertanggungjawab, di antara lain, menubuhkan Jabatan Pelajaran, mendirikan sebuah Sekolah Latihan Guru dan mengasaskan Persatuan Guru.³⁴ Tidak keterlaluan jika sekiranya dikatakan bahawa *Sejarah Alam Melayu* merupakan percubaan pertama untuk menulis sebuah sejarah ‘kebangsaan’ dalam Bahasa Melayu. Dengan mengemukakan konsep ‘Alam Melayu’ Abdul Hadi bin Haji Hassan telah mendahului ahli-ahli politik 1940an yang menghebuhan Tanah Melayu dengan jeritan ‘Indonesia-Raya’. Buku *Sejarah Alam Melayu*, lima jilid kesemuanya, diselesaikan oleh Allahyarham Buyong Adil,³⁵ setelah Abdul Hadi me-

³² Lihat Ramlah Adam, op. cit., hal. 67–75.

³³ Lihat Khoo Kay Kim, “Malay Society, 1874–1920s”, *Journal of Southeast Asian Studies*, V, 2, 1972, hal. 194–196.

³⁴ Abdullah bin Ab. Rahman, ‘Perkembangan Sekolah-sekolah di Kelantan antara Tahun-tahun 1904 hingga 1941 dengan Perhatian Khusus kepada Sekolah-sekolah Vernacular Melayu’ (Kajian Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1973), hal. 33–37.

³⁵ Pada awal 1970an, beliau telah menulis beberapa buku mengenai sejarah negeri-negeri Melayu, kesemuanya diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

tinggal pada tahun 1937, dan digunakan di sekolah Melayu sehingga masa menjelang kemerdekaan. Memang tidak dapat ditentukan sejauh manakah pengaruh atau kesan *Sejarah Alam Melayu* atas pelajar-pelajar di sekolah atau maktab perguruan Melayu; yang perlu diperhatikan hanyalah di sekolah aliran Inggeris buku-buku sejarah adalah berlainan, lebih tertumpu kepada sejarah British.

Oleh yang demikian orang Melayu yang berpelajaran Inggeris kurang berminat dalam sejarah Tanah Melayu. Bukan dimaksudkan mereka kurang terlibat dalam perjuangan orang Melayu. Ramai di antara para aktivis politik dalam 1940an adalah kelulusan sekolah Inggeris, di antara yang paling terkenal ialah Ishak Haji Muhammad, Ahmad Boestamam, Mustapha Hussain, Onan bin Haji Siraj, Ramli Haji Tahir dan Dr. Hamzah bin Haji Taib, kesemuanya terlibat dalam gerakan radikal, dan UMNO sendiri memang diketuai oleh golongan berpelajaran Inggeris. Ada beberapa orang berpendidikan Inggeris yang pernah menulis, dalam Bahasa Inggeris, tentang kebudayaan Melayu seperti Haji Abdul Majid bin Zainuddin yang menulis *The Malays of Malaya by One of Them*³⁶ dan "Some Malay Superstitions"³⁷ Abdul Aziz bin Khamis yang menulis mengenai "Adat Kuala Pilah",³⁸ Dato' Sedia Raja Abdullah Dahlan (Undang Rembau) tentang "The Origin of the Pawang and the Berpuar Ceremony"³⁹ dan, yang paling *prolific* di antara mereka, Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba).⁴⁰

Tulisan Za'ba dalam Bahasa Inggeris meliputi kebudayaan, bahasa dan sejarah. Beliau pernah menulis tentang sejarah Linggi walaupun

³⁶ Buku ini diterbitkan di Singapura pada 1928. Tentang riwayat hidup beliau, lihat William R. Roff (ed.), *The Wandering Thoughts of a Dying Man: The Life and Times of Haji Abdul Majid bin Zainuddin*, Kuala Lumpur, 1978.

³⁷ JMBRAS, VI, 4, 1928. Beliau telah juga menulis beberapa makalah lain dalam JMBRAS. [Lihat Lim Huck Tee & W.E.K. Wijasuriya (penyusun), "Index Malaysiana", JMBRAS, XXXVI, 4, 1970, hal. 1].

³⁸ Pengarang bersama dengan J.J. Sheehan (JMBRAS, XIV, 3, 1936).

³⁹ JMBRAS, V, 2, 1927. Terdapat dua lagi makalah Dato' Abdullah dalam JMBRAS — "The Leading Saints in Rembau" (III, 3, 1925) dan "Mandi Ayer Gawai" (IV, 2, 1926).

⁴⁰ Misalnya, "Malay Festivals, and Some Aspects of Malay Religious Life" (JMBRAS, XXII, 1, 1949), "Malay Manners and Etiquette" (JMBRAS, XXIII, 3, 1950), "Malay Journalism in Malaya" (JMBRAS, XIX, 2, 1941) dan "Recent Malay Literature" (JMBRAS, XIX, 1, 1941). Untuk satu senarai lengkap tulisan Za'ba dalam JMBRAS, lihat Lim Huck Tee & D.E.K. Wijasuriya, op. cit., hal. 159.

karya ini tidak pernah diterbitkan.⁴¹ Za'ba telah juga menterjemahkan buku Winstedt, *Malaya*, dan terjemahannya disiarkan bersiri dalam *Majallah Guru*.⁴² Seorang lagi pujangga Melayu yang berpelajaran Inggeris dan sangat berminat dalam sejarah ialah Abdul Samad bin Ahmad (sekarang Haji). Pada tahun 1936 beliau menterjemahkan buku yang berjodol *Abraham Lincoln*,⁴³ setahun kemudian beliau menyusun sebuah buku sejarah — *Kenang-kenangan Selangor*. Buku ini mengisahkan tentang sejarah negeri Selangor sebagaimana diriwayatkan oleh Wan Mohd. Amin bin Wan Mohd. Said, Dato' Amar Diraja, Penghulu Istiadat, Selangor.⁴⁴

Sifat *Kenang-kenangan Selangor* sesungguhnya mencerminkan keadaan yang masih wujud di Tanah Melayu dalam 1920an dan 1930an. Yang dianggap pakar atau mengetahui tentang sejarah sesebuah negeri adalah golongan pembesar atau sekurang-kurangnya mereka yang rapat dengan istana atau pembesar. Karya-karya karangan golongan itu yang dapat ditentukan ialah:⁴⁵

1. Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arshad, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, Pulau Pinang, 1928.
2. Haji Nik Mahmud bin Haji Ismail (Dato' Perdana Menteri Kelantan), *Ringkasan Chetera Kelantan*, Kota Bharu, 1934.

⁴¹ Tulisan ini diberi jodol 'Salasilah Dato Nenek Moyang Hamba di Linggi' (lihat Adnan Haji Mohd. Nawang, 'Za'ba, 1896–1973: Satu Tinjauan tentang Kegiatan-kegiatannya', Kajian Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1978, hal. 6 catatan 3).

⁴² *Majallah Guru* dikeluarkan pada tahun 1924; pengarangnya dari 1924–1932 ialah Mohamed bin Dato' Muda Linggi. [Lihat Mohd. Janan bin Ahmad, "Karya Sastra dan Esei dalam Majallah Guru (1924–1937)" *Dewan Bahasa*, XI, 1 (Jan.), 1967]. Tentang terjemahan buku Winstedt itu, Za'ba sendiri pernah menerangkan: "Terjemahan ini, dan juga beberapa terjemahan lain . . . telah di siarkan bersambung-sambung dalam *Majallah Guru* (dengan tidak menurut susunan dahu-lu kemudiannya yang diaturkan di sini) dari awal tahun 1925 hingga akhir tahun 1929." (Lihat Sejarah Ringkas Tanah Melayu, Singapura, 1961, 'Pendahuluan').

⁴³ Lihat Khalid Hussain, "Abdul Samad Ahmad", *Dewan Sastra*, Oktober, 1972.

⁴⁴ Dicetak kembali oleh Dewan Bahasa & Pustaka pada tahun 1966 dan diberi jodol *Pesaka Selangor*.

⁴⁵ *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* telah dicetak kembali oleh Dewan Bahasa & Pustaka pada tahun 1968. Tentang Tengku Dalam, lihat Yusoff Hashim, "Tengku Dalam Khalthum bte. Tengku Wook Khazaki" *Jurnal Sejarah*, XIV, 1976/77.

3. Wan Abdul Karim bin Wan Abdul Hamid (Kerani pada OKK Temenggung), *Tawarikh Raja-raja dan Adat Istiadat Zaman Purbakala Negeri Perak Darul Ridzuan*, Kuala Kangsar, 1934 (?).
4. Dato' Haji Ramly Abdullah (Toh Tan Dewa Paduka), *Orang Melayu Perak Darul Ridzuan daripada Zaman Purbakala*, Taiping, 1935.
5. Tengku Dalam Kalthum bte. Tengku Wook Khazaki, *Syair Tawarikh Zainal Abidin III*, Singapura, 1936.
6. Daing Abdul Hamid bin Tengku Muhammad Salleh, *Sentosa Ketakhtaan Selangor*, Klang, 1938.
7. Sri Nara Wangsa Mohd. Ali bin Abdul Rahim, 'Riwayat Negeri Trengganu' (tidak diterbitkan; tarikh penyelesaian tidak diketahui).⁴⁶

Keseluruhannya jelas bahawa di kalangan golongan itu pertanggapan sejarah adalah bersifat tradisional. Bukan hanya tumpuan diberikan kepada satu-satu negeri bahkan isi kandungan masih berkisar di sekitar istana dan adat istiadat yang dikekalkan bagi menitikberatkan kemuliaan satu-satu kerajaan. Yang agak mengagumkan ialah bentuk *syair* dalam penulisan sejarah masih dipelihara dan pengarangnya adalah seorang wanita. Karangan Tengku Dalam ini adalah syair sejarah yang paling panjang — ada lebih daripada 3,000 rangkap.⁴⁷ Tengku Dalam sebenarnya bukanlah wanita pertama di Trengganu menulis sejarah dalam bentuk *syair* kerana, pada tahun 1928, telah diterbitkan *Syair Tuan Humphreys* yang dikarang oleh Hajjah Wok Ehsah binti Haji Nik Idris. Beliau hanya seorang biasa dan mendapat pelajaran di sekolah Melayu.⁴⁸

Zaman 1920an dan 1930an, walaupun tidak dengan ketara memperlihatkan pembaharuan dalam pensejarahan Melayu, sebenarnya adalah zaman di mana *Sejarah* mulai disebarluaskan di kalangan orang kebanyakan. Ini berlaku bukan hanya kerana matapelajaran 'Tawarikh' diperkenalkan di sekolah dan maktab, lebih penting lagi ialah adanya penyiaran makalah sejarah dalam akhbar — contohnya *Lembaga Melayu*⁴⁹ dan

⁴⁶ 'Riwayat Negeri Trengganu' ada disebutkan dalam tulisan M.C. ff. Sheppard yang berjodol "A Short History of Trengganu" *JMBRAS*, XXII, 3, 1949, hal. 67.

⁴⁷ Yusoff Hashim, op. cit., hal. 57.

⁴⁸ Lihat Ramiah Hamid, 'Syaer Tuan Humphreys: Satu Kajian Teks' (Kajian Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1979), hal. 38–40.

⁴⁹ Lihat catatan 31 dalam makalah ini.

*Warta Ahad*⁵⁰ – dan majallah. Tadi telah disebutkan tentang terjemahan buku Winstedt yang disiarkan dalam *Majallah Guru*. Di antara 1930–1931, Asa'ad Shukri bin Haji Muda pula menulis “Riwayat Kelantan” yang juga diterbitkan bersiri dalam majallah *Kencana*.⁵¹

Pada tahun 1930an Johor juga mempunyai sebuah majallah terpelajar, *Peredar*. Haji Mohd. Said bin Haji Sulaiman yang masih giat dalam bidang persuratan, pada tahun 1935, telah menghidupkan kembali Pakatan Belajar-Mengajar Pengetahuan Bahasa yang mula-mula ditubuhkan pada tahun 1888. Persatuan itu diberi nama baharu – Pakatan Bahasa Melayu Persuratan Buku Diraja. Dan persatuan itulah yang menerbitkan majallah *Peredar* dengan Haji Mohd. Said sendiri sebagai pengarangnya. Kesemuanya 25 bilangan *Peredar* telah dikeluarkan di antara 1935–1940. *Peredar* adalah majallah pengetahuan am; selain daripada tulisan-tulisan tentang sejarah juga dimuatkan makalah-makalah seperti:⁵²

- (a) “Perihal Pemergian ke Eropah Tengah”
- (b) “Perihal London dan Bandar-bandar Berhampiran”
- (c) “Bangkok Kepala Negeri Siam” dan
- (d) “Perihal Tanah Jawa”

Walau pun Haji Mohd. Said banyak menulis untuk mempopularkan sejarah Johor dan tulisan-tulisannya, dalam bidang bahasa, agama dan sastera (khasnya syair), seolah-olah menunjukkan pandangannya berkiblat lebih ke dalam daripada ke luar negeri, beliau sebenarnya mempunyai sikap yang bersifat antarabangsa kerana beliau pernah juga menulis *Hikayat Queen Victoria*, *Ringkasan Tawarikh Nippon* dan *Tawarikh England*.⁵³ Berdasarkan bilangan karya sahaja, beliau adalah sejarawan tempatan yang terulung sebelum Perang Dunia II.

⁵⁰ Lihat Abdullah Hukom, “Riwayat Kuala Lumpur 50 Tahun Dahulu” *Warta Ahad*, Oktober-November, 1935.

⁵¹ “Riwayat Kelantan” disiarkan dalam 15 siri. *Kencara* dikeluarkan pertama kali pada bulan April 1930; pengarangnya ialah Asa'ad Shukri sendiri. (Untuk satu kajian tentang Asa'ad Shukri, lihat Abdul Rahman bin Haji Mohamad Daud Al-Ahmadi, ‘Satu Kajian dan Perbandingan Riwayat Hidup Kadir Adabi dengan Asaad Shukri’, Tesis M.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1978).

⁵² Fawzi Basri & Hasrom Haron, op. cit., hal. 93.

⁵³ Lihat Hashim Mokhtar, ‘Mengenal *Hikayat Johor* dan *Tawarikh Almarhum Sultan Abu Bakar* sebagai Penulisan Sejarah Modern Tempatan’ (Kajian Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1976), hal. 58–69.

Menjelang Perang Dunia II bibit-bibit egalitarianisme ternampak mulai terbit dalam masyarakat Melayu apabila dua buah karya yang berunsur sejarah dihasilkan:

1. Mohamad bin Dato' Muda Linggi, *Tarikh Surat Khabar*, Bukit Mertajam, 1940; dan

2. Ibrahim bin Haji Yaacob, *Melihat Tanah Air*, Kota Bharu, 1941.

Daripada beberapa segi kedua-dua karya itu bukan kajian sejarah yang piawai. *Tarikh Surat Khabar* hanya memberi maklumat tentang akhbar-akhbar Melayu yang telah diterbitkan di Semenanjung Tanah Melayu. Buku Ibrahim Yaacob, kalau berasaskan jodolnya, adalah satu catitan tentang lawatannya ke beberapa negeri Melayu. Tetapi sebagaimana telah disebutkan awal-awal lagi, 'sejarah' tidak perlu ditakrif dengan cara yang begitu sempit. Kedua-dua orang penulis memang bertujuan memberi sumbangan kepada pengetahuan umum dengan membuat catitan tentang *perkara-perkara yang telah berlalu*. Ini adalah jelas daripada buku Mohamed bin Dato' Muda Linggi, kelulusan Maktab Melayu Melaka dan seorang pendidik yang terkemuka sebelum Perang Dunia II. Telah disebutkan beliau menjadi pengarang *Majallah Guru* dari 1924 hingga 1932.⁵⁴

Isi kandungan karya Ibrahim Yaacob pula tidaklah jelas pada mereka yang belum membacanya. Dalam buku itu, banyak dibincangkan tentang sistem pentadbiran di negeri-negeri Melayu terutamanya setelah campurtangan British. Sebelum itu memang tiada buku dalam Bahasa Melayu yang mengutarakan perihal perlombagaan dan sistem birokrasi di negeri-negeri Melayu. Mungkin sudah menjadi pengetahuan umum bahawa Ibrahim Yaacob, pada tahun 1938, terlibat dalam penubuhan *Kesatuan Melayu Muda*, parti politik Melayu pertama yang bersifat 'Kebangsaan'. Sedikit sebanyak *Melihat Tanah Melayu* mempunyai nada anti-British. Ibrahim Yaacob membangkitkan kembali konsep 'Alam Melayu' yang telah dipopularkan oleh Abdul Hadi bin Haji Hassan; beliau selanjutnya mengetengahkan satu variasi konsep itu dengan menyebut tentang 'Melayu Raya'. Selepas Perang Dunia II, 'Melayu Raya' pula dijadikan sebagai 'Indonesia Raya'. Ketiga-tiga konsep itu cuba

⁵⁴ Mohamad bin Dato' Muda Linggi seperti Za'ba adalah keturunan Bugis dan sama-sama berasal dari Linggi. Mereka mempunyai pertalian kekeluargaan. Untuk satu biografi ringkas Mohamed bin Dato' Muda Linggi, yang mendapat latihan perguruan di Maktab Melayu Melaka, lihat Ramli Adam, op. cit., hal. 45–47. Lihat juga catitan 42 dalam makalah ini.

menjelaskan perasaan persaudaraan di antara penduduk pribumi Tanah Melayu dengan rakyat Indonesia berasaskan hakikat sejarah.

Sifat yang paling menarik tentang kedua-dua karya itu ialah pemilihan tema masing-masing. Sehingga masa itu belum jadi kebiasaan untuk sejarawan tempatan memilih tajuk yang tidak menyentuh mahkota dan mahligai atau sekurang-kurangnya golongan bangsawan. Dari sudut ini, kedua-dua karya itu boleh dikatakan menandakan satu titik-tolak dalam pensejarahan Melayu yang sungguh penting.

Penyimpangan daripada jalan tradisional benar-benar berlaku selepas Perang Dunia II. Pendudukan Jepun banyak mengubah sikap orang Melayu. Terutamanya ia melonggarkan kongkongan politik yang dapat diperketatkan oleh pentadbiran British di antara 1918 dengan 1941. Pada 1945, pihak Jepun telah juga mengapi-apikan semangat kebangsaan pemuda-pemuda Melayu dengan menggalakkan penubuhan *Kekuatan Rakyat Istimewa* atau KRIS di bawah kepimpinan Ibrahim Yaacob yang diberi peluang menguruskan kemerdekaan Tanah Melayu.⁵⁵ Pemuda-pemuda Melayu telah juga diberi latihan dalam pasukan-pasukan militer dan para-militer seperti *Hei Ho*, *Giyu Gun* dan *Giyu Tai*.⁵⁶

Tidak menghairankanlah, pada tahun 1946, Ahmad Boestamam menerbitkan sebuah risalah politik yang diberi jodol *Testament Politik A.P.I.*; risalah itu dianggap subversif oleh pemerintah.⁵⁷ A.P.I. atau *Angkatan Pemuda Insaf* adalah bahagian pemuda Partai Kebangsaan Melayu Malaya yang berotonomi. Setahun kemudian Dr. Burhanuddin Al-Helmi menerbitkan *Sejarah Perjuangan Kita*. Waktu itu Dr. Burhanuddin mengetuai Partai Kebangsaan Melayu Malaya kerana Yang Dipertua Pertama PKMM — Mokhtaruddin Lasso, seorang komunis — telah kembali ke Indonesia. *Sejarah Perjuangan Kita* ditulis bagi memperingati perjuangan kebangsaan Melayu melalui PKMM. Selanjutnya pada tahun 1950, Dr. Burhanuddin menulis *Asas Falsafah Kebangsaan*

⁵⁵ Yoichi Itagaki, "The Japanese Policy for Malaya Under the Occupation" dlm. K.G. Tregonning (ed.), *Papers on Malayan History*, Singapore, 1962, hal. 113—145.

⁵⁶ Lihat Joyce C. Lebra, *Japanese-Trained Armies in Southeast Asia*, Hong Kong, 1977, hal. 113—145.

⁵⁷ Lihat Anthony John Stockwell, 'The Development of Malay Politics During the Course of the Malayan Union Experiment 1942—1948' (Tesis Ph.D., University of London, 1973), hal. 234 catatan 2.

*Melayu*⁵⁸ di mana, bagi menghuraikan pemikiran yang membawa kepada pembentukan falsafah perjuangan kebangsaan, Dr. Burhanuddin membincangkan

- (a) Asal Usul Bangsa Melayu
- (b) Daerah Alam Melayu
- (c) Perkembangan Bangsa Melayu, dan
- (d) Perjuangan Bangsa dan Kebangsaan

Pilihanraya, mula-mula di peringkat majlis perbandaran, telah diperkenalkan di Tanah Melayu pada 1hb Disember 1951. Pilihanraya pertama itu ialah untuk memilih ahli-ahli Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Pilihanraya kebangsaan yang pertama diadakan pada 27hb. Julai 1955. Dalam masa empat tahun itu, suasana di negara telah banyak berubah. Buat kali pertama penduduk tempatan dibenarkan berpolitik dengan agak bebas kerana pilihanraya adalah persaingan sah di antara parti-parti politik. Dalam keadaan yang lebih lega itu, pensejarahan Melayu juga meluaskan perbatasannya dan tema-tema berbau politik atau perjuangan semakin popular diutarakan. Misalnya, Shahabuddin Ahmad atau Syahba menulis *Pahlawan Dol Said Naning* pada tahun 1952 dan Yahya Abdullah menulis *Peperangan Tok Janggut atau Balasan Derhaka* pada 1955.⁵⁹

Shahabuddin Ahmad diketahui terlibat dalam gerakan politik⁶⁰ dan, sebenarnya, mulai zaman kemerdekaan, iaitu lebih kurang sepanjang 1950an sehingga awal 1960an, ahli politik atau sekurang-kurangnya mereka yang berjiwa politik banyak menghasilkan tulisan sejarah. Di antara yang paling giat ialah Ibrahim Yaacob yang semenjak lewat bulan Oktober 1945 lagi sudah berhijrah ke Indonesia. Dari Indonesia beliau mengeluarkan tiga buah buku:

1. *Sedjarah dan Perjuangan di Malaya*⁶¹ (ditulis pada tahun 1948, diterbitkan pada tahun 1951),

⁵⁸ *Sejarah Perjuangan Kita* diterbitkan di Pulau Pinang. Belum dapat dipastikan di manakah *Asas Falsafah Kebangsaan Melayu* diterbitkan dalam tahun 1950. Buku ini dicetak kembali di Bukit Mertajam pada tahun 1954 dan dicetak sekali lagi di Djakarta pada tahun 1963 dalam tulisan Rumi.

⁵⁹ *Pahlawan Dol Said Naning* diterbitkan di Kuala Pilah dan *Peperangan Tok Janggut & c.*, di Kota Bharu.

⁶⁰ Beliau pernah menjadi ahli Kesatuan Melayu Muda pada tahun 1940. Pada tahun 1948, beliau terlibat dalam penubuhan UMNO Cawangan Ulu Langat.

⁶¹ Untuk menerbitkan buku ini Ibrahim Yaacob menggunakan nama samaran, iaitu I.K. Agastja.

2. *Nusa dan Bangsa* (diterbitkan di Djakarta pada tahun 1951), dan
3. *Sekitar Malaya Merdeka* (diterbitkan di Djakarta pada tahun 1957). Pada dasarnya, memang tidak salah kalau dikatakan bahawa Ibrahim Yaacob adalah orang pertama yang menulis sejarah politik moden orang Melayu. Buku-bukunya, terutama, *Sedjarah dan Perjuangan di Malaya*, banyak digunakan sebagai buku rujukan oleh penuntut-penuntut sejarah dan telah juga memberi perangsang kepada para sarjana akademik untuk mengkaji dengan lebih mendalam tentang kegiatan politik orang Melayu dari 1930an sehingga masa kemerdekaan tercapai.

Di antara penulis-penulis sejarah lain yang juga terlibat dalam politik ialah:

1. Abdul Aziz bin Ishak (*Riwayat Hidup Tunku Abdul Rahman Putra*, Kuala Lumpur, 1955).⁶²
2. Zainal Abidin Daud (*Sejarah Melayu Merdeka*, Kuala Pilah, 1957).⁶³
3. A.H. Edrus (*Peristiwa-peristiwa Siasah di Tanah Melayu*, Singapura, 1962).⁶⁴

Semangat politik yang berkobar-kobar itu telah juga melahirkan beberapa buku sejarah mengenai pahlawan-pahlawan dahulu; misalnya:

1. Darus Ahmad, *Orang Besar Tanah Ayer*, Pulau Pinang, 1958.⁶⁵
2. Abdul Talib bin Haji Ahmad, *Sejarah Dato' Bahaman Orang Kaya Semantan*, Kuala Lumpur, 1961. (2 jilid)

⁶² Abdul Aziz Ishak pernah menjadi Menteri dari masa Tanah Melayu mencapai kemerdekaan sehingga lewat 1962 apabila beliau bertengkar dengan Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman dan terpaksa meletakkan jawatan. Pada Julai 1963, beliau menujuhkan *National Convention Party*.

⁶³ Beliau adalah kelulusan MPSI dan penyokong Ibrahim Yaacob. Untuk riwayat hidup beliau, lihat Md. Damiri Md. Sairi, 'Satu Kajian tentang *Riwayat Tanjong Malim*' (Kajian Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1976), hal. 73–78.

⁶⁴ Buku ini sebenarnya merupakan dua buah karya berasingan, satu ditulis semasa kempen orang Melayu menentang *Malayan Union* dan satu lagi pada ketika (1950) Dato Onn ingin mengubah undang-undang kerakyatan untuk mewujudkan satu rupabangsa di Tanah Melayu dengan tidak mengira kaum. Menurut pengarangnya, kedua-dua buku itu dicitak kembali untuk manfaat umum dan khasnya untuk peringatan "angkatan baharu" (Pendahuluan).

⁶⁵ Di antara tokoh-tokoh yang mendapat perhatian dalam buku ini termasuk Sayid Syeikh Ahmad al-Hadi, Dol Said dan Abdul Rahim Kajai. Darus Ahmad telah juga menulis *Pancaran Melayu* (Pulau Pinang, 1957) dan *Perang Melaka* (Pulau Pinang, 1960).

3. (Abdul Talib juga), *Darah Mengalir di Pasir Salak*, Kuala Lumpur, 1961.⁶⁶
4. Haji Abdullah bin Amirah, *Riwayat Hidup To' Janggut dan Pererangan di Kelantan*, Pulau Pinang, 1963.
5. Abdul Jalil Haji Noor, *Tok Janggut Pahlawan Kelantan*, Kota Bharu, 1965.

Buku-buku itu yang sama ada secara langsung menyentuh perjuangan politik atau pun mengenangkan kembali perjuangan para pahlawan dahulu ditulis dengan pendekatan yang jauh berlainan daripada pendekatan yang terdapat dalam kajian-kajian yang dilakukan oleh para akademik. Penulis-penulisnya digerakkan oleh sentimen dan mereka sendiri cuba menanam sentimen kebangsaan di kalangan generasi muda supaya warisan perjuangan menentang kuasa penjajah tidak mudah dilupakan. Kalau pun buku-buku itu kurang menyarankan gagasan yang bernalas, sebagaimana dikehendaki oleh para akademik zaman sekarang, sekurang-kurangnya buku-buku itu dapat menggambarkan suasana sezaman yang biasa membantu penuntut sejarah masakini memahami keadaan dahulu dengan perspektif yang tidak anakronistik.

Dalam zaman kemerdekaan itu wujudnya semangat kebangsaan tidak semestinya membawa kepada lenyapnya kesetiaan kenegerian. Waktu itu sebilangan besar warganegara Tanah Melayu memang terdiri daripada dua golongan: rakyat Sultan dan warganegara Persekutuan. Tidak ada pertentangan di antara dua kategori warganegara itu maka kecenderungan untuk menulis sejarah negeri masing-masing tetap merupakan tradisi yang hidup subur di kalangan sejarawan tempatan. Di antara awal 1950an dengan awal 1960an, dari semasa ke semasa, dikeluarkan karya sejarah sesebuah negeri; contohnya:

1. Shahrom Hussein, *Tawarikh Johor*, Singapura, 1950.
2. Haji Mohd. Said bin Haji Sulaiman, *Hikayat Johor dan Tawarikh Al-Marhum Sultan Ibrahim*, Johor Bahru, 1951.⁶⁷
3. Misbaha (Haji Mohd. Salleh bin Haji Awang), *Mengkaji Sejarah Trengganu*, Singapura, 1954. (3 jilid).⁶⁸

⁶⁶ Buku ini menonjolkan semangat kepahlawanan Dato Maharaja Lela, Perak, yang terlibat dalam pembunuhan J.W.W. Birch, Residen Perak, dalam tahun 1875.

⁶⁷ Haji Mohd. Said meninggal pada tahun 1955.

⁶⁸ Haji Mohd. Salleh (Misbaha) lebih terkenal sebelum Perang Dunia II sebagai seorang sasterawan.

4. Haji Mohd. Mokhtar bin Haji Mohd. Daud, *Singgahsana Negeri Pahang*, Pekan, 1957 (?).
5. Abdullah bin Haji Musa, *Sejarah Perak Dahulu dan Sekarang*, Singapura, 1957 (?).
6. Asa'ad Shukri bin Haji Muda, *Sejarah Kelantan*, Kota Bharu, 1962.
7. Arifin Abdul Rashid, *Ringkasan Sejarah Kelantan*, Kota Bharu, 1962.
8. Mustafa Tam, *Tawarikh Salasilah Kedah*, Alor Setar, 1962.

Yang anihnya dalam zaman kemerdekaan itu bukan hanya terdapat sejarah kenegerian dan sejarah kebangsaan bahkan kesedaran tentang sejarah tempatan pun mulai berkembang. Tidak kurang daripada 6 buah karya diterbitkan dalam tempoh itu:

1. Zainal Abidin Daud, *Riwayat Tanjung Malim*, Kuala Pilah, 1955.⁶⁹
2. Daud bin Sulaiman, *Ringkasan Tawarikh Orang Kaya-kaya dan Penghulu-penghulu Batu Pahat*, Muar, 1955.
3. Haji Muda Yusof, *Johor Bharu Seratus Tahun*, Johor Bharu, 1955.
4. Abdul Talib bin Haji Ahmad, *Riwayat Kinta*, Kuala Lumpur, 1959 (?).
5. Muhammad Daud Jamil (penyusun), *Tawarikh Gunong Reng*, Kota Bharu, 1959 (?).
6. Raja Razman bin Raja Abdul Hamid dll. (penyusun), *Hulu Perak dalam Sejarah*, Ipoh, 1963.

Berkembangnya kesedaran tentang sejarah tempatan tidak semestinya bererti perasaan kedaerahan semakin tebal; mungkin lebih tepat jika ia ditafsirkan sebagai tanda pertumbuhan keinsafan perihal pentingnya kegiatan-kegiatan menulis sejarah tanah air dengan cara yang lebih terperinci. Yang tidak dapat disangkal ialah perubahan suasana politik merupakan faktor mustahak yang menimbulkan kesedaran itu kerana perasaan kebangsaan memang tidak bermakna bagi sesiapa pun kalau tidak dapat diletakkan di dalam konteks sejarah sesebuah masyarakat yang tertentu.

Ini dapat dibuktikan jika diperhatikan beberapa lagi karya sejarah zaman kemerdekaan itu. Bidang yang diliputi oleh pensejarahan Melayu pada dewasa itu adalah lebih luas daripada hal-hal yang berkaitan dengan kerajaan Melayu, perjuangan politik dan tradisi tempatan sahaja. Pengetahuan tentang sejarah pelajaran, kebudayaan dan kesusasteraan disebarluaskan melalui tulisan-tulisan seperti:

⁶⁹ Lihat catatan 63 dalam makalah ini.

1. Syahba (Shahabuddin Ahmad), *Pesaka Naning*, Kuala Pilah, 1951.
2. Mansur Sanusi, *Sejarah Perkembangan Pelajaran Melayu*, Pulau Pinang, 1955.
3. Abdul Samad Ahmad, *Sejarah Kesusastraan Melayu*, Kuala Lumpur, 1957 & 1958. (2 jilid)
4. Sharom Hussein, *Antara Pengarang-pengarang Novel Melayu dan Karyanya*, Singapura, 1963.

Lewat 1960an dan khususnya mulai 1970an, mahasiswa aliran Melayu mengambil alih tugas memperkaya lagi pensejarahan Melayu iaitu penulisan atau pengkajian tentang sejarah masyarakat Melayu dalam Bahasa Melayu (atau Bahasa Malaysia sekarang). Golongan penuntut sejarah ini sebenarnya tidak menjalankan penyelidikan berasingan daripada kebanyakan sejarawan tempatan atau bukan-akademik. Generasi tua itu banyak menolong para mahasiswa kerana pengetahuan mereka tentang sejarah tempatan amat mendalam. Ada juga di antara generasi tua itu yang merasa perlu meneruskan penulisan sejarah seperti:

1. Misbaha (Haji Mohd. Salleh bin Haji Awang), *Sejarah Trengganu*, Kuala Trengganu, 1966.
2. Othman Abdul Hamid, *Salasilah Tok Abdul Jabar bin Tok Othman*, Johor Bharu, 1967.
3. Abdul Samad bin Idris (ed.), *Negeri Sembilan dan Sejarahnya*, Kuala Lumpur, 1968.⁷⁰
4. Mohd. Hussin Khal'i bin Haji Awang, *Kelantan Dari Zaman ke Zaman*, Kota Bharu, 1970.
5. Asa'ad Shukri bin Haji Muda, *Detek-detek Sejarah Kelantan*, Kota Bharu, 1971.

Dan baharu-baharu ini Misbaha, salah seorang sejarawan tempatan yang amat giat, mengeluarkan sebuah lagi buku sejarah yang diberi jodol *Trengganu Dari Bentuk Sejarah Hingga Tahun 1918 M* (Kuala Lumpur, 1978).

Pensejarahan politik juga tetap dihasilkan oleh golongan tua yang cuba, secara langsung atau tidak langsung, untuk merakamkan pengalaman masing-masing;⁷¹ maka terdapatlah di antaranya karya-karya yang

⁷⁰ Penulisnya sekarang menyandang jawatan sebagai Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

⁷¹ Lihat Mohd. Yunus Hamidii, *Sejarah Pergerakan Politik Melayu Semenanjong*, Kuala Lumpur, 1966; dan Mokhtar Perah, *Bangsa Melayu menggugat Dunia*, Kota Bharu, 1966.

bersifat biografi atau auto-biografi.⁷² Ahmad Boestaman memberi sumbangan yang paling besar dengan buku-bukunya:

1. *Merintis Jalan Kepuncak*, Kuala Lumpur, 1972.
2. *Dr. Burhanuddin Putera Setia Melayu Raya*, Kuala Lumpur, 1972,
dan
3. *Tujuh Tahun Malam Memanjang*, Kuala Lumpur, 1976.

Kesemua tulisan ini seolah-olah mempelopori penerbitan kajian-kajian politik yang telah bertumbuh seperti cendawan dalam zaman 1970an ini. Bezanya tulisan sekarang adalah untuk tujuan perniagaan pada hal dahulu mereka menulis kerana diselubungi oleh sentimen dan *nostalgia* yang berkaitan dengan perjuangan sebelum merdeka.

Jika dibandingkan proses perkembangan penulisan sejarah dengan proses perkembangan kesusasteraan dalam masyarakat Melayu maka didapati proses perkembangan pensejarahan adalah kurang dramatis. Perilihan berlaku dengan beransur-ansur dan yang lama dengan yang baharu dapat hidup bersama buat suatu ketika yang agak berpanjangan. Tetapi seperti kesusasteraan Melayu, pensejarahan Melayu juga memperlihatkan respons terhadap suasana perjuangan politik dengan amat ketara. Sesungguhnya perjuangan politiklah yang secara berkesan mendorong penulisan sejarah mengenai berbagai aspek masyarakat Melayu. Hanya, dalam perkembangan pensejarahan, para sejarawan tempatan tidak dengan sengaja mencari sesuatu yang baharu. Walau pun sepanjang zaman kemerdekaan terdapat tema-tema dalam karya sejarah yang tidak pernah diberi perhatian oleh sejarawan tempatan sebelum Perang Dunia II, segala usaha pensejarahan adalah untuk mencari yang lama, iaitu kebudayaan, tradisi dan identiti orang Melayu.

Dalam keadaan itu maka orang yang sekian lama dianggap sebagai pakar-rujuk adat istiadat dan kebudayaan Melayu, iaitu mereka yang rapat dengan istana, tidak pernah merasa tertinggal. Tulisan-tulisan mereka tentang sejarah kerajaan Melayu tetap dihargai walau pun, selepas Perang Dunia II, golongan yang cuba memperjuangkan ideologi sosialis agak besar bilangannya. Ada kalanya golongan radikal itu mengkritik tradisi feudal tetapi ia tidak pernah menolak hakikat bahawa wujudnya kerajaan-kerajaan Melayu tua adalah asas yang amat diperlukan untuk mempertanggungjawabkan logiknya mendesak supaya dibina sebuah negara baharu yang bagi mereka dikenali sebagai 'Melayu Raya' atau 'Indonesia Raya'.

⁷² Lihat Abdul Aziz Ishak, *Katak Keluar di Bawah Tempurung*, Singapura, 1959; dan Anwar Abdullah, *Dato Onn*, Petaling Jaya, 1971.

Penuntut sejarah zaman sekarang amat sedar tentang kaedah dan teori sejarah, juga teknik-teknik penulisan sejarah. Ini adalah pengaruh pensyarah mereka; itu juga merupakan syarat-syarat untuk mencapai *excellence* dalam bidang kesarjanaan. Tetapi dalam mengkaji satu-satu karya sejarah, seseorang penuntut seharusnya membeza-bezakan di antara dua keadaan. Pensejarahan yang dihasilkan untuk tujuan akademik semestinya diukur dan dinilai berdasarkan kriteria akademik. Pensejarahan yang dihasilkan untuk tujuan-tujuan bukan-akademik perlu diamat-amati dari sudut lain. Pensejarahan Melayu yang dihasilkan oleh para sejarawan tempatan sehingga lebih kurang awal 1970an adalah atas hasrat supaya ia dapat memperkaya khazanah pengetahuan tentang asal usul dan sistem nilai orang Melayu. Oleh yang demikian sesiapa yang mengkaji sejarah masyarakat Melayu perlu bergantung kepada dokumen sosial ini yang sangat *authentic*.

Tetapi kebanyakan karya-karya ini tidak mudah diperolehi, hanya ada dalam simpanan orang perseorangan. Kebanyakan juga tidak dicetak kembali supaya usaha-usaha untuk menganalisa bahan-bahan itu dapat dilakukan dengan lebih mendalam lagi. Pengajian sejarah semestinya mempunyai matlamat yang lebih luas; ahli sejarah sendiri seharusnya sedar bahawa kajian-kajian mereka tentang satu-satu aspek sejarah sesebuah masyarakat adalah terlampaui sempit bagi mereka memahami masyarakat yang berkenaan. Pengajian sejarah sesebuah masyarakat sepatutnya membawa kepada fahaman yang lebih mendalam tentang masyarakat itu; tetapi sebaliknya tanpa fahaman yang lebih tentang masyarakat yang berkenaan, tidak mungkin seorang ahli sejarah dapat memahami sejarah masyarakat tersebut. Memahami sesebuah masyarakat melibatkan lebih daripada mengenali adat resam sahaja. Pemikiran dan perasaan penduduk-penduduk yang berkenaan tidak boleh diketepikan. Maka segala yang dihasilkan dalam bentuk tulisan termasuk kesusasteraan merupakan bahan yang sangat bernilai untuk seseorang ahli sejarah dalam pengkajiannya.

Bukan terpulang kepada ahli sejarah untuk mengadili mereka yang hidup dahulu. Setiap generasi melihat masalah dengan kacamatanya yang tersendiri. Tugas ahli sejarah hanyalah untuk memahami dengan perspektif yang tepat; mudah-mudahan ini akan membantunya menghuraikan masalah zaman sekarang terutamanya jika masalah itu bersangkutan paut dengan keadaan yang mula-mula muncul di masa yang telah berlepas. Tiada masyarakat berubah secara mendadak dan menyeluruh walaupun berlaku revolusi. *Ethos* sebuah masyarakat berakar di zaman yang lampau.